

BAB 2

KRITIKAN EKO DALAM KESUSASTERAAN MELAYU

2.0 Pengenalan

Bab ini mengupas tentang kritikan eko dalam kesusasteraan Melayu. Pada bahagian definisi dan konsep, dijelaskan tentang konsep-konsep bagi “alam sekitar”, “ekologi”, “ekosistem”, “kritikan eko”, “spesies’ dan “persaingan antara spesies”. Bab ini juga turut mengupas tentang definisi kritikan eko, ruang lingkup kritikan eko, kritikan eko aliran William Howarth, kritikan eko dalam sastera, seterusnya melihat hubungan antara alam sekitar, manusia dan teks sastera terutama dalam kesusasteraan Melayu di Malaysia. Akhirnya, bab ini menghuraikan tentang prinsip kajian bersandarkan kritikan eko dalam novel Sarawak. Pada bahagian ini dihuraikan tentang konsep, prinsip dan kerangka yang digunakan dalam analisis pada bab tiga, empat, lima dan enam, iaitu persaingan antara spesies, kesan guna tanah terhadap alam sekitar, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dan penggunaan bahasa berkaitan alam sekitar yang terdapat dalam novel-novel penulis Sarawak.

Bab ini juga merupakan bab yang penting kepada kajian ini kerana mengandungi konsep-konsep, prinsip dan rangka kajian yang membentuk analisis dalam bab tiga, empat, lima dan enam. Konsep berkaitan alam sekitar menerangkan definisi istilah kritikan eko dan konsep kritikan ini bersandarkan William Howarth yang digunakan sepanjang kajian ini. Bab ini juga menyatakan tentang hubungan antara manusia, alam dan teks, seterusnya membentangkan konsep dan susun atur dalam bab analisis.

2.1 Definisi Kritikan Eko

Kritikan Eko turut dikenali sebagai "kajian-kajian kebudayaan hijau", "kritikan eko", "ecopoetik", "kritikan sastera alam sekitar" dan "kritik sastera lingkungan hidup". Michael P. Branch telah mengesan penggunaan perkataan 'ecocriticism' apabila meneliti tulisan William Rueckert's berjudul *Literature and Ecology: an Experiment in Ecocriticism* (Barry, 2002; Garrard, 2004: 2). Pada masa ini Rueckert (1996) mentakrifkan "ecocriticism" sebagai "aplikasi ekologi dan konsep-konsep ekologi dalam kajian sastera, kerana ekologi (sebagai sains, sebagai satu disiplin, sebagai asas pandangan manusia) mempunyai perhubungan yang cukup penting untuk masa kini dan masa depan dunia" (halaman 107). Dalam tulisan ini, kritikan eko seharusnya mencari titik persamaan antara manusia dan bukan manusia untuk menunjukkan bagaimana mereka boleh wujud secara bersama-sama dengan berbagai-bagai cara dan bagaimana isu-isu alam sekitar menjadi bahagian penting dalam kewujudan berkenaan. Penerapan konsep-konsep ekologi melalui terma-terma baru telah menggalakkan perkembangan bahasa dan sastera, iaitu;

The conceptual and practical problem is to find the grounds upon which the two communities- the human, the natural- can coexist, cooperate, and flourish in the biosphere. All of the most serious and thoughtful ecologists...have tried to develop ecological visions which can be translated into social, economic, political, and individual programs...All this may seem rather remote from creating, reading, teaching, and writing about literature; but in fact, it is not. I invoke here...the first Law of Ecology: 'Everything is connected to everything else.'

(Rueckert, 1996; 107-108)

Walau bagaimanapun perkataan 'ecological' didakwa telah digunakan Karl Kroeber dalam tulisannya berjudul *Home at Grasmere*. Kata *ecocriticism* telah diperkenalkan pada 1989 dalam seminar WLA oleh Cheryl Glotfelty yang tidak sekadar melakukan pengubahsuaian terhadap maknanya tetapi telah menyebarkan bidang kritikan yang sebelum ini dikenali sebagai 'a study of nature writing' (Barry,

2002; Garrard, 2004: 2). Kritikan Eko telah diperkenalkan secara rasmi dengan terbitnya dua karya: *Ecocriticism Reader* (1996), diedit oleh Cheryll Glotfelty dan Harold Fromm, dan *The Environmental Imagination* (1996) oleh Lawrence Buell. Dalam bahagian pengenalan *The Reader* (1996), Glotfelty dan Fromm telah menghuraikan pendekatan ecocritical sebagai;

“...All ecological criticism shares the fundamental premise that human culture is connected to the physical world, affecting it and affected by it. Takes as its subject the interconnections between nature and culture, specifically the cultural artifacts of languages and literature. As a critical stance, it has one foot in literature and the other on land; as a theoretical discourse, it negotiates between the human and the non-human.”

(Glotfelty dan Fromm, 1996; xix)

Gomides (2006; 468) pula mendefinisikan kritikan eko sebagai bidang kajian yang menganalisis dan memperkenalkan karya-karya seni dan menimbulkan persoalan moral tentang interaksi manusia dengan alam semulajadi, pada masa yang sama juga memotivasi khalayak pembaca untuk hidup dalam batasan tertentu yang akan mengikat dari generasi ke generasi. Berdasarkan definisi ini, Kritikan eko akan menganalisis bagaimana hasil seni boleh mengetengahkan kepincangan interaksi yang wujud dengan persekitaran, dan pada masa yang sama cuba memujuk khalayak untuk mengambil tindakan yang memihak kepada alam sekitar. Tindakan yang diambil itu pula mesti selaras dengan sebab dan kesan kemusnahan alam sekitar, yang menggambarkan wujudnya interaksi manusia dengan alam semula jadi, menangani gerak hati, membenarkan untuk membuat takrifan berkaitan kerja di lapangan dan berkeupayaan untuk memberi motivasi. Kajian yang dilakukan dalam bidang ini menyerlahkan perkaitan hubungan antara sastera dan alam semula jadi dengan lebih jelas.

Buell (1995) mendefinisikan kritikan eko sebagai “...*ecocriticism as [a] study of the relation between literature and the conducted in a spirit of commitment to*

environmentalist praxis” (halaman xviii). Definisi yang dikemukakan oleh Buell tidak jauh berbeza dengan apa yang diberikan oleh Glotfelty, tetapi Buell lebih menekankan kepada komitmen pengkritik yang menggunakan kritikan ini mesti seseorang yang sangat peka kepada masalah alam sekitar. Kritikan ini merupakan aliran kritikan baru dalam kajian kesusasteraan dan persekitaran dari sudut pandang interdisiplin di mana semua ilmu digunakan secara bersama untuk menganalisis persekitaran dan kemungkinan meneliti berdasarkan isu persekitaran yang dipaparkan penulis dalam karya sastera. Kajian ini melihat hubungan antara sastera dan sains ekologi, dan bagaimana konsep-konsep sains ekologi itu diterapkan ke dalam karya sastera. Tumpuan kritikan ekologi dalam sastera bertujuan melihat dan menganalisis kehadiran unsur alam semulajadi dalam karya, pembinaan karya dan pelbagai isu membabitkan krisis alam semula jadi dalam karya (Oppermann, 1999).

Dean (1994) pula menyatakan ecocriticism sebagai satu kajian terhadap budaya dan hasil budaya berkenaan (hasil seni, penulisan, teori saintifik dll) yang merupakan jalan yang sama menghubungkan manusia kepada alam semulajadi. Glotfelty (1994) yang menjadi antara pelopor teori ini mendefinisikan kritikan eko sebagai hubungan antara alam dan budaya, lebih khusus terhadap artifak bahasa, budaya dan kesusasteraan. Garrard (2004) merupakan antara tokoh sealiran dengan Dean dan Glotfelty apabila mendefinisikan kritikan eko sebagai “*the study of the relationship of the human and the non-human, throughout human cultural history and entailing critical analysis of the term “human” itself.* (halaman 5)”. Ini bermakna bahawa ruang lingkup kritikan eko meliputi kajian tentang hubungan antara manusia dan bukan manusia, sejarah dan budaya yang berkaitan manusia dan persekitaran didiaminya. Kritikan eko ternyata telah memperluaskan pengertian “*the world*” ini kepada rangkuman ekosfera. Menurut Barry (2002; 108), setiap elemen alam saling berhubungan antara satu sama lain. Jadi, kesusasteraan seharusnya tidak terapung di atas dunia kebendaan dalam

sesuatu estetika, tetapi mempunyai fungsi tersendiri dalam sistem global yang sangat kompleks.

Sarver (1994) percaya bahawa Secara umumnya, kritikan eko melihat kebimbangan terhadap hubungan antara manusia dan alam yang dikesan dalam teks sastera. Kebimbangan ini, bagaimanapun lebih dilabelkan sebagai pendekatan alam sekitar terhadap sastera (secara mudahnya gerakan mencintai alam sekitar) daripada kritikan eko. Budaya popular acapkali menggabungkan ekologi dan alam sekitar, tetapi dalam akademik, ekologi adalah disiplin sains yang mengkaji hubungan antara organisma dan persekitarannya. Dari sudut yang lain, environmentalism mengandungi tahap ujian untuk mempromosikan kesejahteraan alam. Kritikan eko mempertimbangkan bagaimana alam bertindak balas dan diketahui dalam teks. Kajian kesusasteraan ini mendapat kesan tindak balas bukan kepada sains dan teknologi tetapi berasaskan penyebaran daya kepekaan terhadap alam sekitar. Kajian kesusasteraan oleh pencinta alam sekitar bukan untuk membina teori kritikan baru, tetapi lebih kepada perlukisan memberi gambaran dan menjelaskan kefahaman terhadap bagaimana manusia berinteraksi dengan alam, serta memberi kesan dalam bidang kesusasteraan.

Secara mudah, kritikan eko merujuk kepada kajian berkaitan hubungan antara kesusasteraan dan alam sekitar. Kritikan eko adalah kritikan dan peluasan pedagogi kajian kesusasteraan berdasarkan teks yang berkaitan dunia bukan manusia dan hubungan antaranya. Ia melibatkan perubahan keluar dari pendekatan yang menekankan kepada keistimewaan bahasa dan kesukaran yang tidak dititikberatkan di dunia sebenar. Kritikan eko secara dasarnya merupakan kritikan yang membongkarkan tentang hubungan antara manusia dan bukan manusia, falsafah, sejarah, dan budaya yang berkaitan manusia dan persekitaran didiaminya. Semua hubungan ini mempunyai perkaitan antara individu, masyarakat, alam dan teks. Kajian ini menggunakan model William Howarth sebagai sebahagian panduan untuk menganalisis teks dari sudut

bahasa. Howarth (1996) mengemukakan empat prinsip yang saling berhubungan mendasari kritikan ini, yaitu ekologi, etika, bahasa dan kritikan.

2.2 Hubungan Antara Manusia, Alam dan Sastra

Alam semesta merupakan suatu keseluruhan yang berkesinambungan dan tidak putus-putus (Bohm, 1988). Pendekatan kajian mengenai hubungan manusia dan alam sekitar telah dikembangkan sejak awal abad ini dalam konteks ekologi manusia. Pengkaji melihat hubungan manusia dengan alam sekitar melalui beberapa cara seperti perspektif 'determinisme alam sekitar' yang menyatakan bahawa tamadun manusia ditentukan oleh alam semula jadi. Semple (1911) yang mengembangkan pendekatan ini menegaskan bahawa 'manusia adalah hasil permukaan bumi'. Hubungan antara manusia dan alam daripada perspektif 'teleologikal' pula menegaskan bahawa manusia lebih berkuasa daripada alam sekitar dan berpotensi untuk mengawal alam sekitar keseluruhannya (Park 1980), manakala Perspektif 'determinisme ekonomi' menurut Zelinsky (1966) menyatakan bahawa prinsip ekonomi sejagat mempengaruhi interaksi manusia, sumber dan masyarakat.

Hubungan manusia dengan alam sekitar ditinjau berdasarkan beberapa tahap. Pada tahap awal, hubungan didapati lebih mudah yang dapat dilihat melalui kewujudan manusia dan bumi (alam sekitar fizikal). Pada tahap berikutnya, timbul persoalan sama ada manusia itu sebahagian daripada alam sekitar ataupun tidak seperti diutarakan oleh O'Briant (1974). Pandangan keagamaan Barat berpendapat bahawa manusia bukan sebahagian daripada alam sekitar. Menurut pandangan ini, walaupun manusia adalah sebahagian daripada alam sekitar semula jadi, namun makhluk tersebut dianggap sebagai suatu entiti yang lebih tinggi darjatnya daripada benda lain dalam persekitarannya, selaras dengan perspektif 'teleologikal'. Dalam konteks ini, manusia menganggap tempat sebenar mereka ialah di syurga, sedangkan bumi ini hanya tempat

persinggahan sementara sahaja. Pemikiran begini menimbulkan tanggapan dan tindaklaku mengeksploitasi alam sekitar tanpa mengambil kira impaknya.

Pandangan kedua berasaskan pandangan saintifik yang membezakan manusia dengan haiwan; manusia adalah sebahagian daripada alam sekitar berdasarkan fakta bahawa manusia mempunyai daya berfikir yang lebih tinggi. Oleh itu manusia mempunyai keperluan yang tersendiri dan perbezaan ini membolehkan mereka membahagikan bumi ini kepada dua sistem yang utama, iaitu sistem alam sekitar fizikal dan sistem manusia serta kegiatannya. Sistem alam sekitar fizikal terdiri daripada beberapa bahagian iaitu atmosfera, biosfera (manusia adalah sebahagian daripadanya), hidrosfera, pedosfera dan litosfera yang saling bertindakbalas antara satu dengan lain. Setiap elemen alam sekitar fizikal berada dalam keadaan seimbang dan saling bertindakbalas antara satu dengan lain pada tahap semula jadi.

Masyarakat Melayu membahagikan alam kepada dua jenis iaitu alam nyata dan alam ghaib atau alam supernatural (Haron Daud, 2002; Munawir Yusof, 1992; Mustafa Mohd Isa, 1994). Bentuk pemikiran itu ada kaitan pula dengan sistem kepercayaan dan agama yang dianuti seperti animisme, Hindu, Buddha dan Islam. Dalam pemikiran Melayu, alam merupakan makhluk yang Allah jadikan terlebih dahulu daripada manusia (Haron Daud, 2002). Alam nyata atau alam material yang difahami oleh orang Melayu ialah alam yang terdiri dari langit dan bumi serta isinya dan dapat dilihat dengan mata kasar manusia, iaitu alam yang khusus menjadi tempat kehidupan makhluk yang nyata. Langit dan bumi terdiri daripada tujuh lapis. Di langit yang luas terdapat matahari, bulan dan bintang-bintang, manakala permukaan bumi pula dipenuhi air termasuk laut, tasik dan sungai, tanah yang meliputi bukit, gunung-ganang, tumbuh-tumbuhan dan binatang. Bagi orang Melayu, lapisan bumi yang paling bawah dikenali dengan perut bumi, manakala di tengah lautan terdapat pusat tasik yang biasa disebut pusat tasik Pauh Janggi (Rentse, 1933).

Menurut pandangan orang Melayu, keseluruhan alam nyata itu terbina daripada empat unsur iaitu tanah, air, api dan angin yang mempunyai sifat sejuk, lembap, panas dan kering. Keempat-empat unsur itu juga membentuk diri manusia yang dipanggil mikro kosmos (Nasr, 1993). Pengetahuan orang Melayu tentang alam juga sangat luas sehingga mereka dapat memahami perkara yang ada di bumi dan di langit. Persamaan unsur pembentuk dan sifat menjadikan hubungan antara alam dan manusia begitu erat. Alam bukan sahaja membekalkan makanan dan minuman kepada manusia tetapi juga sebagai lambang "kekuatan semangat" berdasarkan pergerakan bintang dua belas (Haron Daud, 2002). Menurut Samsina Abdul Rahman (2010), manusia yang bersahabat dengan alam adalah manusia yang menganggap dirinya merupakan sebahagian daripada alam. Persahabatan dengan alam diwujudkan melalui interaksi yang harmoni antara manusia dan alam seperti memulihara, menjaga dan menyayangi persekitaran serta makhluk hidup lain.

Alam ghaib difahami oleh orang Melayu sebagai alam yang dipercayai wujud di dalam satu ruang dan mempunyai bentuk tetapi tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Bentuknya hampir sama seperti alam nyata tetapi lebih menekankan ciri-ciri ghaib pada lautan, gunung-ganang dan dengan makhluk-makhluk magis yang mendiaminya (Nik Rafidah et al., 2010). Secara umum, orang Melayu membahagikan alam ghaib itu kepada tiga iaitu alam kayangan, syurga dan neraka. Apabila digabungkan alam nyata dan alam ghaib, ia melibatkan peringkat-peringkat alam yang ditempuh oleh manusia iaitu; Sebelum dilahirkan, manusia berada dalam alam rahim, selepas dilahirkan, manusia hidup di alam nyata (dunia). Sesudah mati, manusia berada di alam barzakh dan setelah kiamat, manusia dihidupkan semula dan kekal di alam akhirat.

Setiap unsur alam mempunyai ragam keindahan yang menakjubkan sehingga menjadi inspirasi kepada pemikiran manusia (Haron Daud, 2002; Zurinah Hassan, 2001). Shahnnon Ahmad (1992) berpendapat bahawa alam yang melatari persekitaran,

pemikiran dan suasana banyak menghidupkan sesebuah karya sastera yang besar. Persekitaran yang tercetus daripada ragam alam melahirkan suasana-suasana tertentu menggambarkan pemikiran pengarang disalurkan dalam karya. Masyarakat Melayu tradisi khususnya amat peka dengan unsur-unsur alam dalam kehidupan mereka sama ada daripada aspek sosiobudaya, kepercayaan mahupun ekonomi, kemudiannya diterapkan dalam pelbagai cerita rakyat. Pelbagai suasana yang berlaku dalam masyarakat dan kehidupan digambarkan dengan menggabungkan unsur-unsur alam secara halus sehingga mampu menggambarkan betapa pentingnya hubungan manusia dengan alam selain daripada hubungan manusia dengan manusia (Nik Rafidah et al., 2010).

Sastera menerima dan memberi pengaruh kepada masyarakat melalui karya yang mengungkapkan masalah kehidupan dengan pengarang sendiri ikut berada di dalamnya. Masyarakat sangat menentukan nilai karya sastera yang hidup di suatu zaman, sedangkan penulis pula terikat dengan status sosial tertentu dan tidak dapat mengelak daripada pengaruh persekitaran yang membesarkan sekaligus membentuknya (Manasikana, 2011). Pengalaman tersebut adalah pengalaman pengarang secara sedar atau tidak sedar. Alam merupakan sebahagian daripada kehidupan, di dalamnya terdapat banyak unsur yang dijadikan lambang dalam karya sama ada secara tersurat atau tersirat. Shahnnon Ahmad (1999) memperincikan bagaimana alam menyumbang idea kepada pengarang seperti berikut;

Alam belantara, rimba raya dan hutan belukar yang tebal-tebal dengan para pokok yang besar-besar dan tinggi-tinggi juga mampu memberi ilham kepada sasterawan yang gemar memperluaskan asosiasi kealaman itu dengan kemanusiaan. Rimba raya yang basah dan berserabut dengan serba segala hampir sama juga dengan relung-relung hati seorang insan yang banyak rahsia, yang kaya dengan misteri-misteri, yang mampu mengubah segala sikap yang kadang-kadang bernada kejutan, di luar dugaan sama sekali. Inilah kandungan rimba raya pun yang sukar diterokai dan yang banyak memiliki rahsia-rahsia yang berada di luar kemampuan manusia. Rahsia rimba raya sama saja dengan rahsia hati yang pada aspek fizikalnya hanya seketul daging yang cuma sebesar kepal penumbuk tetapi di situlah bertapaknya markas perasaan dan markas akal. Di situlah darah dan urat saraf mempunyai kekuatan dan sumber. Di situlah nadi kemanusiaan.

(Shahnnon Ahmad, 1992, 84)

Alam bukan sahaja terdapat dalam kesusasteraan berbentuk prosa, malahan terdapat juga dalam bentuk puisi dan cerita rakyat seperti cerita penglipur lara, cerita binatang, cerita jenaka dan juga cerita-cerita tentang pengalaman. Penggunaan unsur alam dalam karya mempunyai sebab akibat tersendiri yang ingin disampaikan oleh pengarang dan pencerita. Cara ini menampakkan tentang kecendekiawanan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam mengaplikasikan alam sebagai bahan cerita. Pengarang-pengarang mutakhir pula menggunakan unsur alam dalam setiap hasil tulisan mereka, merangkumi penggunaan alam daripada segi perlambangan, sebagai gambaran sosiobudaya masyarakat, sosiopolitik dan juga sebagai satu cara pengukuhan sosioekonomi sesebuah kolektif mahupun masyarakat yang mendasarinya.

Novel-novel yang menyentuh secara langsung isu alam sekitar juga mempunyai cara yang tersendiri untuk mengetengahkan mesej kepada khalayak. Karya-karya ini membawa dimensi baru terhadap dunia penulisan kreatif di Malaysia. Alam mampu menghidupkan pengalaman kemanusiaan dalam karya apabila dieksploitasi dengan bijak (Shahnon, 1992). Hasil daripada memanusiaikan alam dalam karya, sesebuah karya itu lebih mudah dijiwai dan meninggalkan kesan seperti dinyatakan Shahnon dalam petikan berikut;

Kealaman yang bersifat keharmonian dan kontras dengan tindakan manusia perlu dieksploitasikan sebaik mungkin kerana alam akan memberi impak yang amat baik bagi memantapkan lagi kemanusiaan dalam sesebuah karya. Aspek-aspek hakisan yang terhasil daripada kegelojohan manusia juga dapat dieksploitasikan dalam proses kreatif sesebuah karya yang besar; baik sebuah novel, sebuah puisi mahupun sebuah cerpen. Tanah bukit yang runtuh dik hujan yang lebat atau angin yang kencang, pencemaran laut dan udara yang menjadi semakin galak sekarang ini, kegilaan manusia menebang pokok, tercabut akar-akarnya, terpokah tanah-tanah yang meneguh akar dan tunjangnya, kegilaan manusia membunuh haiwan termasuk burung yang mendiami rimba belantara yang akhirnya akan menyebabkan alam ini begitu sunyi dan sepi. Kehilangan kicau burung ini dapat dipadankan lagi dengan kehilangan irama dalam kehidupan, dengan kepupusan perasaan manusia yang bersifat kemanusiaan dan berubah secara cepat daripada kemanusiaan kepada keganasan dan kerakusan membolot benda dan mengisi perut seperti yang diperlihatkan melalui fiil kebinatangan.

(Shahnon Ahmad, 1992; 70)

Kepekaan pengarang dengan persekitaran telah diadun dalam karya dengan pelbagai isu dan elemen alam sekitar seperti pencemaran, penerokaan tanah, iklim, pembalakan, eksploitasi, gelinciran tanah dan sebagainya. Pengarang mengimplimentasikan unsur-unsur dan elemen-elemen alam sekitar dalam karya untuk menyerlahkan keakraban yang wujud antara sastera dan alam didasarkan kepada pengalaman dengan alam yang menghidupkan konsep kebersamaan, interaksi, penentangan, asosiasi, latar sosial dan kemasyarakatan yang lebih memaknakan kemanusiaan. Alam lebih memanusiaikan manusia bukan sahaja daripada aspek fizikal tetapi ditonjolkan dalam perwatakan sama ada selari atau bertentangan dengan alam. Alam dan persekitaran menyarankan pelbagai makna yang berfungsi, malah teknik penceritaan berjaya sebatikan nilai kemanusiaan dengan alam, seterusnya memberi kesan lebih mendalam terhadap perwatakan sesebuah karya (Shannon, 1992).

Hubungan yang akrab dan mesra dengan alam dalam karya-karya Melayu berbeza dengan karya-karya dari luar terutama Barat yang sering mencetuskan perasaan marah dan memberontak terhadap alam. Pemikiran dan pemilihan perkataan dalam karya pengarang Malaysia menunjukkan bahawa mereka tidak berkonflik dengan alam. Sebarang percubaan untuk bercanggah dengan alam akan menyebabkan perasaan tidak bahagia. Masyarakat Melayu, terutama pada peringkat primitif sangat bergantung kepada alam menyebabkan mereka harus mempelajari kelakuan alam. Berdasarkan interaksi yang akrab dengan alam, mereka dapati terdapat unsur-unsur alam yang membantu seperti tanah yang subur, tanaman yang menjadi sumber makanan, hujan yang menyuburkan tumbuhan, dan ada pula unsur-unsur yang menjadi ancaman seperti banjir, tanah runtuh, gelombang di laut, arus yang deras di sungai, kemarau, dan sebagainya. Hal ini mempengaruhi pemikiran dan perasaan mereka (Zurinah Hassan, 2010).

Keselarasan hubungan antara manusia dengan persekitaran telah menimbulkan reaksi untuk memakmurkan alam ini dengan membina pembangunan. Impaknya diterjemahkan dalam bentuk pemikiran, pandangan, corak komunikasi dan budaya. Hubungan yang harmoni dengan alam menuntut manusia untuk menerima norma dan ritma alam, bukan berusaha mendominasi dan menguasainya. Alam tidak boleh dinilai menurut manfaat yang boleh dikaut oleh manusia semata-mata tetapi penilaiannya perlu mengambil kira keseimbangan alam tanpa melakukan eksploitasi (Nasr, 1984). Kesan kemerosotan mutu alam sekitar kini mula kelihatan sedikit demi sedikit dan sedang mengancam kesejahteraan hidup manusia ekoran sikap sesetengah pihak yang tidak sensitif tentang kelangsungan alam.

2.3 Kritikan Eko dalam Sastera

Kesedaran secara langsung tentang krisis alam sekitar mulai timbul dengan terbitnya sebuah buku yang bertajuk *Silent Spring* (1962) hasil kajian Rachel Carson. Walaupun buku ini hanya menumpukan penjelasannya kepada kesan-kesan pencemaran akibat industri kimia ke atas alam sekitar, ia berjaya menyedarkan masyarakat dunia berhubung krisis alam sekitar yang semakin meluas akibat sains dan teknologi pada zaman moden. Kesedaran alam sekitar yang dicetuskan ini bukan sahaja menarik perhatian golongan saintis tetapi turut mempengaruhi para sarjana di dalam bidang-bidang yang lain termasuk sastera. Lynn White (1967: 155) menyatakan bahawa faktor utama yang mengakibatkan krisis alam sekitar berpunca daripada doktrin Yahudi-Kristian yang dikatakan mengamalkan *world view* “Tuhan mengizinkan mereka mengeksploitasi alam sekitar demi kelangsungan atau survival hidup”. Doktrin ini menyebabkan berlaku eksploitasi alam sekitar tanpa batasan sehingga mengganggu keseimbangan alam dan menyumbang ke arah kemerosotan kualiti alam sekitar dunia.

Sastera boleh menjadi saluran kepada kesedaran pertimbangan terhadap alam semula jadi. Kritikan eko menawarkan jalan tersebut dalam konteks “menggabungkan manusia dan bukan manusia” melalui penghasilan lebih banyak tulisan kritikan postmodern terutama mengkritik tentang sistem berkaitan alam sekitar yang ada sebelum ini” (Love, 2003; 1). Kritikan eko dianggap radikal kerana visi ekologi cuba untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi yang mendominasi industri negara. Kritikan eko antara lain perlu mendalami tentang teori politik dan projek pedagogi yang menjurus kepada persoalan berkaitan kelangsungan hidup manusia dan ekosistem (Newman, 2001; enote, 2004).

Ekologi dalam Kritikan eko adalah satu bentuk aplikasi ilmu ekologi dan konsep ekologi untuk mengkaji bidang kesusasteraan, iaitu asas terhadap metodologi yang digunakan sains ekologi untuk menemui penyelesaian masalah yang terbaik (Newman, 2001). Kesan kajian kesusasteraan ini tidak bertindak balas kepada sains dan teknologi tetapi berasaskan penyebaran daya kepekaan terhadap alam sekitar. Kritikan eko menggunakannya sebagai subjek kepada perhubungan antara alam semulajadi dan budaya, terutama artifak budaya dalam bahasa dan sastera. Kajian kesusasteraan oleh pencinta alam sekitar bukan bermaksud untuk membina teori kritikan baru, tetapi lebih kepada per lukisan mereka terhadap menamatkan teori, iaitu untuk menjelaskan kefahaman terhadap bagaimana manusia berinteraksi dengan alam yang akan meninggalkan kesan dalam kesusasteraan. Dalam konteks kesusasteraan, kritikan cara tafsiran ini sama seperti bentuk-bentuk kritikan sastera kontemporari lain seperti ecofeminist atau kritikan sastera pasca colonial (Cohen, 2004).

Kritikan eko timbul dan diorientasikan ke arah satu kebimbangan tentang interaksi kemanusiaan yang wujud antara manusia dan bukan manusia dengan menghubungkan budaya manusia kepada dunia fizikal, pengaruh dan mempengaruhi (Murphy, 1999; Cohen, 2004). Ia mengkaji penulisan berkaitan alam sekitar dengan cara menggunakan

pendekatan, penelitian, implikasi-implikasi ekologi, tindak balas, masalah-masalah, atau krisis dan hubungan-hubungan semulajadi manusia dalam mana-mana teks sastera, meluaskan analisis terhadap kehidupan dan kawasan semulajadi, dan mengubah pandangan terhadapnya serta budaya setempat (Slovic, 2004; Sarver, 1994; Dean, 1994). Kritikan ini merupakan peluasan pedagogi kajian kesusasteraan berdasarkan teks yang berkaitan dunia bukan manusia dan hubungan antaranya. Ia melibatkan perubahan keluar daripada pendekatan sedia ada selama ini yang lebih menekankan kepada keistimewaan bahasa tetapi kurang menitikberatkan dunia sebenar dan peranan dimainkan alam sekitar semulajadi untuk membentuk komuniti budaya, selain daripada memfokuskan kepada sejarah kini secara spesifik (Heise, 1997).

Kritikan ini membincangkan struktur kesusasteraan alam sekitar melalui per lukisan tentang hal sains, sejarah dan falsafah apabila mengkritik, serta menjadi tempat untuk sastera menemui “dunia”, yang akhirnya menemukan hubungan mungkin berlaku antara diri, masyarakat, alam dan teks (Cohen, 2004; Christopher, 1994). Menurut Heise (1997), kajian ini menganalisis bagaimana konsep “alam” dan "semulajadi" ditafsirkan, apakah tanda-tanda penting yang dimiliki atau penolakan terhadapnya, serta mengkaji mengapa terjadi penolakan tersebut, seterusnya mencari jalan terbaik bagi menjelaskan hubungan yang wujud antara manusia dan alam. Lebih spesifik, kritikan ini mengkaji bagaimana alam digunakan atau dijadikan metafora dalam kesusasteraan dan apakah anggapan pengkaji dan pembaca tentang genre semula jadi yang mungkin tidak ditonjolkan secara terus. Analisis yang mengaplikasikan teori ini akan membenarkan pengikut kritikan eko menghubungkan konsep keindahan dan alam semula jadi, terutama dari sudut sastera dan pembinaan artistik yang mempertajamkan persepsi semasa terhadap alam sekitar.

Di Amerika Syarikat kritikan ini telah digunakan pada penghujung era lapan puluhan, manakala penyebarannya di United Kingdom berlaku pada awal tahun

sembilan puluhan. Konsep asas teori kritikan eko telah diperkenalkan pada akhir tahun tujuh puluhan dalam mesyuarat WLA (The Western Literature Association)(Barry, 2002; Love, 2003; enote, 2004). Michael P.Branch telah mengesan penggunaan perkataan “ecocriticism” apabila meneliti tulisan William Rueckert's berjudul *Literature and Ecology: an Experiment in Ecocriticism* (1978). Walau bagaimanapun perkataan ‘ecological’ didakwa telah digunakan lebih awal oleh Karl Kroeber dalam tulisannya berjudul *Home at Grasmere* (1974). Kata “ecocriticism” telah diperkenalkan kepada umum pada 1989 dalam seminar WLA oleh Cheryl Glotfelty yang tidak sekadar melakukan pengubahsuaian terhadap maknanya tetapi telah menyebarkan bidang kritikan yang sebelum ini dikenali sebagai ‘*a study of nature writing*’ (Barry, 2002; 252). Teori *ecocriticism* yang dicadangkan oleh Glotfelty & Fromm (1996) telah mentakrifkan kritikan eko sebagai kajian tentang hubungan antara sastera dan persekitaran fizikal, iaitu penulis melaporkan atau menulis apa yang berlaku kepada alam sekitar daripada pemerhatian dan pengalaman mereka dengan cara yang kritikal.

Teori ini mencadangkan bahawa penulis harus mempunyai komitmen yang kuat atau tanggungjawab terhadap alam sekitar (Buel, 1998). Para pengkritik akan mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar seperti isu-isu ekologi, menerangkan makna alam semula jadi, persepsi penulis terhadap hutan belantara, pencemaran alam, penebangan hutan, pemuliharaan alam sekitar, dan bagaimana semua isu ini telah berubah dalam beberapa dekad. Sebahagian penulis menyerlahkan keprihatinan terhadap alam sekitar apabila mengemukakan isu-isu persekitaran di media dalam penulisan buku-buku ilmiah, novel atau artikel popular di majalah. Pendekatan ini agak baru diteroka walaupun sudah begitu lama diperkenalkan, namun, teori ini sangat sesuai dengan isu-isu semasa global berkaitan masalah alam sekitar seperti pemanasan global, kenaikan paras air laut, penebangan hutan, kebuluran, dan semua jenis pencemaran. Penulis memainkan peranan penting untuk menyebarkan pengetahuan dalam

pendekatan yang menarik melalui fiksyen. Pembaca pula secara tidak sedar telah diserapkan dengan mesej yang kuat tentang alam sekitar sehingga mendorong mereka untuk berfikir dengan mendalam dalam setiap tindakan melibatkan alam sekitar.

Kritikan eko bermula pada tahun enam puluhan dan tujuh puluhan namun bergerak agak perlahan tanpa diketuai sesiapa untuk memantapkannya. Glotfelty (1996: vii) telah mencatatkan “kewujudan usaha para pengkaji dan pengkritik yang dilakukan secara tidak terancang kerana kurangnya usaha untuk saling menyebut antara mereka dalam setiap penulisan, menjadikan kajian dan penulisan mereka wujud secara tunggal atau berasingan”. Awalnya, kritikan Eko dilakukan secara berselerak dan dikategorikan di bawah tajuk subjek yang berbeza seperti pastoral, ekologi manusia, kedaerahan dan lanskap, dan teori fungsi. Buku berkaitan kritikan eko dihasilkan Joseph Meeker (1974) menekankan kepentingan untuk mempertimbangkan pendekatan ini dan memberi rasional menggunakan pendekatan ini. Di Barat, krisis alam sekitar berlaku disebabkan oleh tradisi budaya Barat yang memisahkan antara budaya dan alam semula jadi ekoran daripada tingginya tradisi budaya penguasaan moral (Talukder & Hossain, 2010; 81). Kesilapan merosakkan persekitaran pada masa lalu tidak perlu diulangi lagi, sebaliknya semua orang berperanan melindungi dan memulihara alam sekitar. Pada tahun 1989, WLA menggesa ahli-ahlinya untuk menggunakan istilah "ecocriticism" secara rasmi, bukannya istilah lama, "kajian penulisan alam semula jadi". Gerakan ecocriticism merebak ke seluruh dunia seperti UK, Jepun, Korea, Australia dan New Zealand, telah menggalakkan lebih ramai penulis terlibat. Di Malaysia, kritikan eko masih baru dan tidak banyak dibincangkan. Walau bagaimanapun, karya bertulis mengenai penulisan berkaitan "kebimbangan mengenai isu-isu alam sekitar" telah diterbitkan sejak tahun enam puluhan.

2.3.1 Ruang Lingkup Kritikan Eko

Semasa memperkenalkan kritikan eko kepada umum, Glotfelty (1996) telah mendefinisikan kritikan ini sebagai “kajian yang mengkaji hubungan antara sastera dan alam sekitar fizikal” (halaman xviii). Bagaimanapun, secara lebih khusus, perkataan "alam sekitar" merujuk kepada fenomena fizikal sama ada biotik atau abiotik yang melingkungi sesuatu organisma. Fenomena fizikal ini termasuk fenomena yang berkait dengan iklim dan cuaca. Definisi alam sekitar seperti yang dinyatakan tersebut secara langsung menolak fenomena sekeliling yang bukan fizikal. Antara fenomena sekeliling yang bukan fizikal ialah fenomena yang meliputi suasana politik, ekonomi dan budaya sesebuah masyarakat yang dikategorikan sebagai pengajian sains sosial. Selain daripada itu, dalam pengajian keagamaan, pengertian alam sekitar tidak terhad hanya kepada alam sekitar fizikal tetapi juga alam sekitar metafizikal yang dihubungkan dengan kuasa ketuhanan (Jaafar Hamdan, 2004).

Meletakkan batasan kajian ecocriticism sebagai “alam sekitar fizikal’ sudah pasti tidak bersifat menyeluruh kerana ruang lingkup alam sekitar lebih besar dan luas, termasuk manusia dan budaya. Ini menyebabkan Glotfelty (2003) dalam tulisan-tulisan seterusnya cuba melebarkan makna alam sekitar untuk kajian ini meliputi “satu kritikan yang mengkaji hubungan antara sastera dan persekitaran termasuk budaya” menggunakan bahasa sebagai perantara. Hubungan ini bersifat timbal balik atau dua hala. Melalui bahasa, sastera membincangkan permasalahan yang berkaitan dengan alam sekitar, manakala permasalahan alam sekitar menjadi bahan renungan pengarang untuk berkarya sehingga sastera mampu menjadi wadah membincangkan permasalahan alam sekitar yang dihadapi oleh manusia. Pengkritik yang menggunakan kritikan ini pula bertindak sebagai seorang pencinta alam yang cenderung untuk prihatin kepada masalah alam sekitar secara bersungguh-sungguh sebagaimana yang dinyatakan Buell

(2005) sebagai “...*ecocriticism as [a] study of the relation between literature and the conducted in a spirit of commitment to environmentalist praxis*” (halaman xviii). Definisi yang dikemukakan oleh Buell tidak jauh berbeza dengan apa yang diberikan oleh Glotfelty (2003), tetapi Buell lebih menekankan kepada komitmen pengkritik yang sangat peka kepada permasalahan alam sekitar.

Sebagaimana luasnya alam ini, sebegitu juga luas ruang lingkup dan cakupan yang mendominasi analisis ekologi. Menurut Heise (2006) kritikan eko meliputi pelbagai kesusasteraan dan budaya yang sebenarnya sangat berkaitan dengan teori globalisasi. Kemunculan kritikan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelarasan antara tradisi dan warna setempat dalam sastera alam sekitar”. Menurutnya juga, sastera ekologi prihatin dengan analogi dan penghayatan berbagai-bagai budaya dengan meneliti cara kesusasteraan menyumbangkan idea, membuat penilaian dan melakukan pengubahsuaian terhadap alam dan budaya. Penelitian menjadi lebih luas apabila turut menganalisis tentang manusia dan bukan manusia dalam karya tanpa mengesampingkan matlamat utama kritikan eko iaitu mengkaji masalah alam pada abad kini seperti pencemaran, degradasi, lanskap, iklim, manusia dan kebangkitan sensitiviti terhadap alam (Larsen, 2007). Ini memerlukan pengamalnya menggunakan pendekatan interdisiplin dengan ilmu dalam bidang yang lain. Berlandaskan keperluan itu sastera dihubungkan dengan ilmu dalam bidang yang lain, manakala bidang ekologi meningkatkan kesedaran dan memperluaskan pengertian tentang hubungan timbal balik antara manusia dan bukan manusia. Pemikiran sastera tentang ekologi memerlukan dunia bukan manusia dipandang secara serius seperti meneliti alam, manusia, masyarakat dan budaya yang menjadi cabaran terbesar kritikan ini. Hubungan antara makhluk hidup dan persekitaran bukan hidup tidak dikaji secara terasing. Bidang ekologi umpamanya, mengkaji tentang lebih penduduk, pembukaan kawasan hutan, pembalakan, pencemaran, kehilangan kesuburan tanah, ragutan berlebihan atau lebih

produktiviti. Hubungan ini tidak hanya melibatkan satu spesies sahaja tetapi juga individu, manusia, masyarakat, planet dan persekitaran hasil interaksi yang wujud antara semua elemen berkenaan (Love, 2003). Berdasarkan kajian ini akan ditemukan persepsi manusia tentang kehidupan, persekitaran semulajadi dan bagaimana ia telah berubah sepanjang tempoh tertentu yang diteliti dalam budaya popular dan sastera moden. Disiplin-disiplin lain berkaitan persekitaran seperti sejarah, falsafah, etika-etika, dan psikologi, juga dipertimbangkan oleh kritikan eko untuk menjadi sebahagian elemen yang boleh dikaji dalam pendekatan ini.

Konsep kritikan eko, karya sastera dan bagaimana kedua-dua elemen ini saling kait mengait perlu difahami dalam satu kerangka kerja yang akan membantu mewujudkan hubungan antara teks sastera dan ekologi. Semua ilmu digunakan secara bersama untuk menganalisis persekitaran dan kemungkinan mencari cara penyelesaian untuk mengatasi masalah persekitaran kontemporari berdasarkan isu persekitaran yang dipaparkan penulis dalam karya sastera. Kajian perlu meliputi keseluruhan bidang yang dilakukan secara mendalam terutama menjelaskan tentang apa dan bagaimana interaksi antara kesusasteraan dan persekitaran berlaku, apa akan berlaku seterusnya dan apa yang ditawarkan. Muatan teori ini juga perlu menelaah tentang idea, teks dan penulis itu sendiri (Slovic, 2008). Fakta yang digunakan kadang kala melangkaui kefahaman metafizik. Konsep kebenaran perlu difahami dan diterima bagi membantu analisis yang lebih luas, menyeluruh, mendalam, jelas dan mantap, terutama dalam tempoh mutakhir ini memperlihatkan semakin banyak bidang kajian kian mencabar diaplikasikan dalam kritikan eko seperti kajian bandar, kajian persekitaran, jurus pandang agama tentang alam sekitar, bioregionalism, sastera, kajian naratif, filem, budaya, postkolonial dan ecofeminis. Penulisan berkaitan alam semula jadi, bukan sekadar membahaskan tentang persekitaran semulajadi dan hidupan liar di kawasan pedalaman semata-mata, tetapi boleh diaplikasikan untuk mengembang dan mengambil berat tentang subjek minoriti

dan persekitaran pemandaran (Love, 2002). Pada masa yang sama, penggunaan istilah "Law Of Ecology" (setiap sesuatu saling berhubungan dengan sesuatu yang lain) yang diperkenalkan Barry (1996:108) semasa membangunkan konsep kritikan eko akan membuka minda masyarakat tentang teks yang bersifat ganeral bagi mendepani realiti. Kritikan eko perlu memberi tumpuan kepada persamaan dan paradigma selari yang wujud dalam teori sastera dan sains semula jadi, terutama bidang fizik, biologi dan geografi.

Menurut Heisenberg (1962), interaksi antara sains dan trend umum pemikiran boleh berlaku dan diaplikasikan dalam kritikan eko walaupun terdapat perbezaan konsep dalam sains semula jadi dan bidang seni kerana perbezaan kedua-dua bidang ini tidak terlalu jauh. Dunia fizikal boleh diukur oleh sains dengan lebih tepat berbanding dalam karya-karya seni. Sains telah wujud dan dikenal pasti mampu mengukur penebangan hutan menggunakan pembolehubah tertentu, manakala karya-karya seni telah menggambarkan perihal yang sama berdasarkan fenomenanya. Kritikan ekologi "melihat bagaimana teks mewakili dunia fizikal" tanpa terikat di sisi undang-undang untuk "menimbulkan persoalan moral tentang interaksi manusia dengan alam semulajadi". Kritikan ekologi hanya boleh "menimbulkan persoalan moral tentang interaksi manusia dengan alam semulajadi" tanpa terikat di sisi undang-undang untuk menganalisis "bagaimana teks tersebut mewakili dunia" (Gomides, 2006; Winkler, 1996). Konsep "semulajadi" dalam kritikan ini akan mengkaji bagaimana alam digunakan dalam kesusasteraan dan apakah anggapan tentang genre semulajadi yang mungkin tidak ditonjolkan secara terus. Analisis menggunakan teori ini akan membenarkan pengikut kritikan eko untuk menghubungkan konsep sejarah "keindahan alam semulajadi" dan alam semulajadi, terutama dari sudut sastera dan pembinaan artistik yang mempertajamkan persepsi semasa terhadap alam sekitar (Heise, 1997).

Kritikan Eko mempunyai warisan ekologi yang kuat dalam sastera kebangsaan. Dalam *Taxonomy Of Green Literature*, Murphy (2000) menggariskan perbezaan antara menulis (non-fiksi) dan sastera (fiksi) ketika mengenalpasti empat mode dan genre, iaitu penulisan alam sekitar, sastera alam sekitar, persekitaran menulis dan sastera persekitaran. Thomas J. Lyon, dalam bukunya *This Incomparable Land: A Guide to American Nature Writing* (2001; 20), mencadangkan “penulisan sastera alam mempunyai tiga dimensi utama untuk: maklumat sejarah alam, tanggapan peribadi tentang alam, dan tafsiran falsafah daripada alam”. Menggunakan disiplin ilmu yang berbeza dalam kajian sastera menghasilkan dimensi penulisan yang berbeza dan unik, seterusnya menjuruskan satu kajian dalam sub bidang lain seperti menumpukan maklumat sejarah persekitaran mampu menghasilkan makalah kajian saintifik atau satu bentuk panduan persekitaran. Karya-karya sebegini jarang mendapat perhatian dalam kritikan sastera padahal pengarang mempunyai pengalaman peribadi tentang apa yang diamati dan dijelaskan (Yarian, t.t). Kemunculan tema kesusasteraan berkaitan alam sekitar, terkesan bahawa kajian mengenai persekitaran, fiksi (bidang imaginasi terhadap manusia dan suasana persekitaran), pencemaran alam sekitar, pemikiran bio-regional dan kehidupan haiwan dilihat sebagai satu cubaan untuk meningkatkan perhatian dunia dengan pendekatan berbeza dalam bidang kesusasteraan. Sifat kritikan ini yang sangat semula jadi dan kritis sepatutnya mempunyai hubungan yang akrab dengan disiplin lain yang relevan, terutamanya sains kehidupan (Love, 2002).

Masalah utama pendekatan ekologi adalah, belum ada metodologi yang jelas untuk digunakan dalam kajian ini. Ramai sarjana yang memuji kajian antara disiplin ini banyak meminjam istilah kata kunci atau idea daripada disiplin lain ketika menganalisis kajian. Metodologi dari disiplin lain digunakan untuk mengumpulkan data, melakukan ujian, membuat kesimpulan, dan melaksanakan penyelesaian berdasarkan fokus kajian dengan cara mewajibkan pengkritik untuk menilai karya di luar teks. Cara ini lebih

berjaya memenuhi keperluan merentas disiplin dengan memanfaatkan bidang sastera (Lewis, 2003; Tallmadge & Hendry, 2000). Glotfelty (1996) semasa memperkenalkan pendekatan ini hanya mencadangkan serangkaian pertanyaan untuk dijadikan garis panduan dan membantu menganalisis teks sastera apabila menggunakan pendekatan eko, iaitu;

1. Bagaimana sastera hijau akan ditandakan sebagai sebuah genre?
2. Bagaimana persekitaran atau krisis persekitaran digambarkan dalam teks?
3. Apakah nilai-nilai yang digambarkan dalam teks sesuai dengan prinsip-prinsip ekologi asas?
4. Bagaimana metafora dipersembahkan daripada pengaruh setempat, dan cara mengatasi?
5. Haruskah lanskap dianggap sebagai media kritis yang berasingan?
6. Bagaimanakah konsep alam dan sastera berubah dari masa ke semasa, dalam budaya yang berbeza?
7. Apakah peranan yang dimainkan elemen alam sekitar fizikal dalam plot novel?
8. Bagaimana landskap diwakili dalam teks?
9. dan bagaimanakah wacana persekitaran dalam disiplin ilmu berkaitan seperti seni, dan sebagainya? (Lemmer, 2007)

Soper (1995), beranggapan bahawa pengkaji perlu memahami peranan utama alam sekitar terlebih dahulu sebelum menganalisis dan membincangkan kritikan eko, terutama dapat membezakan tiga konsep iaitu, metafizik, realiti dan penilaian tentang alam sekitar pada peringkat umum. Konsep metafizik merangkumi etika dan falsafah alam sekitar, konsep realiti 'alam' merujuk kepada struktur, proses dan tahap operasi dalam dunia fizikal yang menyediakan kajian ilmu persekitaran dan kemungkinan

berlaku campur tangan semasa manusia berinteraksi dengan persekitaran, manakala kritikan pada tahap umum pula bermaksud menilai sesuatu karya pada tahap umum atau aras 'permukaan' bagi sesuatu konsep seperti yang biasa dilakukan dalam banyak karya sastera dan wacana teori persekitaran. Soper (1995) mengutarakan konsep berkenaan untuk diterjemahkan dalam kritikan eko tanpa memberi garis panduan yang boleh dijadikan dasar kajian.

Belum ada ketetapan yang khusus dan dipersetujui semua tokoh kesusasteraan tentang elemen dan ciri-ciri seharusnya dimiliki kritikan eko. Berdasarkan pendapat ramai pengkaji dan pengkritik, ruang lingkup kritikan eko yang meneliti hasil kesusasteraan berkaitan interaksi yang wujud antara karya dan alam sekitar dirumuskan seperti pembahagian tema berikut, merangkumi;

1. Hal-hal berkaitan bahasa, perlambangan, estetika
2. Konsep-konsep, sejarah, bidang, sains, definisi dan teori
3. Budaya dan manusia
4. Ecofeminis
5. Keagamaan, kepercayaan, mitos
6. Lokasi, lanskap, petempatan, iaitu persekitaran semulajadi
7. Etika dan falsafah

Berdasarkan ruang lingkup pertama, ke dua, tiga dan lima, maka, fokus kritikan Eko dalam kajian ini menganalisis empat perkara berikut;

1. Persaingan antara spesies dalam novel-novel penulis Sarawak
2. Kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dalam novel-novel penulis Sarawak
3. Kesan guna tanah terhadap alam sekitar dalam novel-novel dihasilkan penulis Sarawak

4. Bahasa yang digunakan dalam teks untuk memaparkan wujudnya interaksi antara sastera dan alam berdasarkan alam sekitar abiotik dan biotik, metafora, simili dan personifikasi.

Semua komponen ini dikategorikan dalam bahagian konsep-konsep ekologi manusia yang menjadi salah satu daripada cabang ekologi, iaitu ekologi manusia. Ia meneliti ekosistem seperti impak pembangunan yang tidak terkawal kepada persekitaran contohnya banjir kilat dan hakisan tanah, persoalan-persoalan persekitaran dan kemusnahan alam yang banyak digambarkan dalam karya sastera di Malaysia. Kritikan eko juga menghubungkan budaya manusia kepada dunia fizikal yang saling mempengaruhi dan dipengaruhi. Kritikan Eko menggunakannya sebagai subjek kepada perhubungan antara alam semulajadi dan budaya, terutama artifak budaya dalam bahasa dan sastera (Newman, 2001).

Untuk mendapatkan pengaruh sebenar dalam komuniti sastera yang lebih besar, environmentalisme sastera perlu bergerak dari akar umbi bidang itu sendiri. Jadi, analisis dan kritikan perlu bersumberkan teks sastera apabila mengkaji tentang masalah persekitaran yang sering difokuskan seperti gender, seksualiti, politik, ekonomi, nasionalisme, etnik dan sebagainya yang akan dikaitkan dengan alam sekitar. Pendekatan ini semakin mantap sekiranya melebarkan kajian ke arah jurus alam sekitar yang lebih mendalam, tidak sekadar berkait tentang ‘pokok’ dan ‘sungai’ yang terdapat dalam teks sahaja, tetapi juga merangkumi sikap dan pemikiran yang digambarkan berdasarkan manusia dan bagaimana mereka mampu bersaing untuk meneruskan kehidupan (Sarver, 1994). Walaupun kritikan eko menyentuh hampir semua disiplin, ketika diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan, apa yang berlaku umumnya akan berpatah balik ke prinsip asal, iaitu tanah sebagai “rumah” (hubungan manusia dengan alam) (Dean, 1994). Fungsi paling penting sastera pada hari ini ialah memberi

kesedaran secara terus kepada pertimbangan sepenuhnya terhadap alam semulajadi. Kritikan eko menawarkan jalan tersebut sebagai permintaan sastera dalam konteks “menggabungkan manusia dan bukan manusia” yang sebenarnya menjadi cabaran dalam bidang tersebut bagi menghasilkan lebih banyak tulisan dan kritikan sebegitu (Cohen, 2004; 9).

2.3.2 Kritikan Eko Menurut William Howarth

William Howarth (1994) telah mengemukakan empat prinsip yang saling berhubungan mendasari kritikan Eko, iaitu ekologi, etika, bahasa dan kritikan. Penelitian terhadap teks sastera dari sudut perlambangan dan simbolik semata-mata tidak mencukupi untuk dijadikan sebagai asas apabila menganalisis atau mentafsirkan kepelbagaian versi hubungan antara sastera dan alam semula jadi atau hubungan manusia. Kritikan Eko memerlukan pendekatan yang lebih inklusif, merentas disiplin dan mempunyai satu kaedah analisis teori yang merangkumi kepelbagaian isu alam sekitar. Apa sahaja persoalan tentang hal berkaitan ekologi dan alam sekitar dalam kajian sastera memerlukan satu bentuk teori yang kritikal dan khusus kerana, pertama; untuk merombak persepsi dan pendekatan teori kritikan ini memerlukan keluasan sistem teori itu sendiri; dan kedua, isu yang difokuskan adalah dalam satu bentuk penulisan atau medium tertentu seperti puisi atau cereka. Kritikan ini seharusnya mampu meluaskan analisis yang bakal lakukan terutama tentang persoalan bagaimana membina atau menggunakan pendekatan berkaitan ekologi apabila menganalisis karya sastera. Jika semua pertembungan antara sastera dan persekitaran perlu dianalisis, teori kritikan ekologi memerlukan kritikan sastera alam sekitar yang lebih kompleks, kerana mana-mana interaksi antara kedua-dua fenomena ini memiliki “keutuhan dan keselarian” antara alam sekitar dan fenomena kesusasteraan. Akibatnya, kritikan Eko masih lagi berada dalam proses mencipta dan membentuk kritikan sendiri dan meminjam

sebahagian besar daripada disiplin lain seperti sains semula jadi apabila digunakan untuk menganalisis karya (Oppermann, 1999).

Sama seperti teori-teori kritikan sastera yang lain, kritikan eko juga mempunyai prinsip-prinsip yang dibangunkan di atas aspek ekologi, etika, bahasa dan kritikan. Howarth (1996) berpandangan bahawa bahasa dan kritikan adalah dua daripada prinsip-prinsip dalam kritikan eko iaitu "*Language theory examines how words represent human and nonhuman life. Criticism judges the quality and integrity of works and promotes their dissemination*" (halaman 71). Bagi Howarth, bahasa adalah alat yang digunakan pengarang untuk mengungkapkan tentang kehidupan manusia dan bukan manusia. Dalam konteks kritikan Eko, bahasa menjadi penghubung kepada persoalan-persoalan yang berkaitan dengan ekologi dan etika ekologi. Melalui kritikan pula, kualiti hubungan antara bahasa dengan ekologi dan etika ekologi diteliti dan dinilai, iaitu "*All writers and their critics are struck with language, and although we cast nature and culture as opposites, in fact they constantly mingle, like water and soil in a flowing stream*" (halaman 69). Howarth melihat bahasa mampu menjalinkan alam sekitar dan budaya atau lebih tepat antara ekologi dan etika ekologi. Kritikan Eko menggunakan bahasa untuk mendekati kehidupan, alam semulajadi, termasuk biosentrik daripada pandangan Barat. Perkara-perkara yang dipertimbangkan dalam kritikan ini merangkumi gender, bangsa, kelas dan etnik yang memperjuangkan diri mereka sendiri untuk memperolehi satu kedudukan dalam reka bentuk ruang, dengan kata lain sebagai "mewarisi pembinaan budaya" (Newman, 2001).

Kajian ini juga dikatakan menghubungkan dunia sastera dan alam dengan mengambil ilmu ekologi dari pelbagai struktur pengetahuan berkaitan alam seperti sains, ekonomi, politik, sejarah, falsafah, termasuk kegiatan budaya dan bahasa. Ia adalah gambaran artistik pengalaman manusia tentang alam semulajadi dan budaya yang membentuk dunia (berkait kegembiraan, kesedihan, mengharapkan keharmonian

berterusan dan bencana), meluaskan analisis terhadap hidup, kawasan semulajadi dan mengubah pandangan terhadap alam serta budaya. Ia menjadi tempat untuk sastera menemui “dunia” kerana sifatnya yang baru terlibat sebagai pencinta alam sekitar (Cohen, 2004). Secara mudah, kritikan eko merupakan ilmu yang mempelajari hubungan antara sastera dan persekitaran fizikal, iaitu satu keadaan yang sama seperti kritikan feminis yang secara sedar meneliti bahasa dan sastera dari perspektif gender, ataupun kritikan Marxis yang membawa kesedaran mode pengeluaran dan kelas ekonomi dalam teks bacaan, maka kritikan eko telah mengambil pendekatan yang berpusat kepada bumi dalam kajian sastera (Glotfelty, 1994). Ekoran itu, berlaku perdebatan terhadap ilmu sains atau menggunakan bahagian-bahagian tertentu dalam ilmu sains, dan pelbagai ruanglingkup ilmu berbeza untuk menterjemahkan sebuah karya sastera (Love, 2003).

Bagi Glotfelty (1994), kritikan eko adalah satu kritikan yang mengkaji hubungan antara sastera dan persekitaran fizikal yang boleh dijelaskan apabila melihat hubungan antara alam dan budaya termasuk bahasa dan sastera. Sebagai sikap kritis, sebahagian daripada kajian ini berada dalam bidang kesusasteraan dan sebahagian lain berkaitan dengan alam sekitar, akhirnya mewujudkan satu bentuk wacana berteori yang mengaitkan antara manusia dan bukan manusia. Hubungan ini bersifat timbal balik atau dua hala. Melalui bahasa, sastera membincangkan permasalahan yang berkaitan dengan alam sekitar, manakala masalah alam sekitar menjadi bahan renungan pengarang untuk berkarya sehingga sastera mampu menjadi wadah membincangkan permasalahan alam sekitar yang dihadapi oleh manusia, manakala pengkritik yang menggunakan kritikan ini bertindak sebagai seorang environmentalis, iaitu cenderung untuk prihatin kepada permasalahan alam sekitar bersandarkan kepada teks kajian seperti dinyatakan Glotfelty dan Fromm (1996: xix).

Definisi ini diperluas oleh Heise (1999) yang memasukkan semua genre yang secara aktif terlibat dalam wacana lingkungan hidup. Melihat kritikan eko dari jurus sastera dan budaya Melayu, Mana Sikana (2011: 187) berpendapat teori ini merupakan satu pendekatan kajian sastera Melayu yang bertunjangkan daya cipta kreatif, keakraban dengan unsur alam dan kehalusan budi orang Melayu. Kaedah ini berasaskan sikap hidup, kepercayaan dan agama orang Melayu dan berteraskan pegangan hidup Islam.


2.4 Kritikan Eko Dalam Novel Sarawak

Karya-karya yang dihasilkan pengarang dari Bumi Kenyalang mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana kekayaan alam sekitar dari pelbagai sudut. Alam sekitar yang abstrak dan tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia menjadi bahan penting kepada pengkarya untuk diaplikasikan dalam novel sebagai gambaran sesebuah masyarakat. Kepelbagaian kaum, ritual, amalan dan kepercayaan malah corak perayaan menjadikan negeri ini unik dan tersendiri. Keunikan ini juga menjadikan karya-karya yang dihasilkan pengarang dari negeri Sarawak kelihatan tersendiri sifatnya. Kepelbagaian ini mewujudkan kesukaran untuk menganalisis karya-karya sastera Sarawak terutama berkaitan budaya, adat resam, amalan dan kepercayaan serta hal-hal berkaitan warna setempat lain kerana kesukaran untuk menterjemahkan makna yang terkandung di sebaliknya.

Kritikan alam sekitar dalam novel-novel dihasilkan pengarang dari negeri Sarawak akan meneliti daripada empat sudut iaitu; persaingan antara spesies, kesan guna tanah terhadap alam sekitar, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dan penggunaan bahasa yang memaparkan hubungan dengan persekitaran. Semua aspek ini mempunyai pertalian dan hubungan yang tersendiri dengan alam sekitar, iaitu memenuhi ruang lingkup pertama dan ke dua kritikan eko, iaitu berkaitan bahasa, perlambangan, estetika dan berlandaskan kategori konsep-konsep, sejarah, bidang,

sains, definisi dan teori. Merujuk bidang alam sekitar pula, perkaitan ketiga-tiga aspek kajian digambarkan seperti rajah 2.3 berikut;


Rajah 2.3: Aspek Kajian dalam Komponen Alam Sekitar (Jamaludin Jahi, 2010)



2.4.1 Persaingan antara spesies

Persaingan antara spesies dikategorikan di bawah komponen biosfera yang terbahagi kepada dua jenis iaitu persaingan intraspesies dan persaingan interspesies (Dick Neal, 2004; Cecie Starr, 2006). Persaingan intraspesies merupakan persaingan yang berlaku dikalangan ahli dalam sesuatu spesies, atau disebut persaingan yang berlaku dalam spesies yang sama, manakala persaingan interspesies merupakan persaingan yang wujud antara spesies yang berbeza (Fieman, 2008). Analisis berkaitan persaingan antara spesies dalam novel-novel penulis Sarawak dikaji berdasarkan persaingan interspesies dan persaingan intra spesies, melibatkan komponen berikut;

Rajah 2.4 : Komponen Persaingan Antara Spesies dalam novel Sarawak



Walaupun persaingan antara alam dan alam termasuk dalam sebahagian daripada persaingan interspesies, namun bahagian ini tidak dianalisis kerana tidak terdapat kategori ini dalam semua novel kajian.

2.4.2 Kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran

Alam sekitar secara fitrahnya wujud dalam keadaan seimbang. Semua komponen alam tidak wujud secara bersendirian sebaliknya saling mengawal dan memanfaatkan antara satu dengan yang lain serta berevolusi untuk mengekalkan keseimbangan (Katiman & Asmah, 2006). Namun, aktiviti pembasmian hutan secara berleluasa telah mengganggu kesempurnaan ekologi di kebanyakan kawasan, sehingga menyebabkan bencana kemarau dan banjir yang teruk, mengganggu bekalan air dan mengurangkan produktiviti tanah (Postel & Heise, 1988: 41). Alam sekitar akan terganggu sekiranya sumber alam yang diperlukan manusia diganggu. Gangguan berlaku melalui penebangan hutan, pemeliharaan khinzir, pemerosesan bahan pertanian, perlombongan mineral, penjana tenaga dan penangkapan ikan yang tidak dikawal, serta proses penggunaan sumber

seperti pembakaran arang batu untuk menjana tenaga elektrik, pembakaran petroleum untuk menggerakkan jentera termasuk kenderaan dan kilang yang membebaskan gas beracun ke udara (Katiman & Asmah, 2006).

Hodges (1973), berpendapat pencemaran melibatkan sebarang bentuk perubahan alam sekitar disebabkan aktiviti sosio-ekonomi manusia yang akhirnya mendatangkan kesan negatif kepada manusia serta kehidupan sekitar. Gangguan terhadap persekitaran menyebabkan berlaku pencemaran alam, iaitu perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, biologi atau radioaktif iaitu mana-mana bahagian alam sekeliling yang melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan buangan ini sehingga menjejaskan kegunaannya dan menyebabkan suatu keadaan berbahaya atau memudaratkan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pihak awam atau kehidupan lain seperti burung, hidupan liar, ikan dan hidupan akuatik serta tumbuh-tumbuhan air atau menyebabkan suatu pelanggaran terhadap apa-apa syarat, had, atau sekatan yang dikenakan ke atas sesuatu lesen di bawah akta Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kemerosotan kualiti alam sekitar telah wujud sejak zaman penjajah lagi, tetapi pada skala yang lebih kecil kerana pada masa itu, alam sekitar masih dapat menyerap sebahagian besar daripada bahan pencemaran yang dihasilkan oleh pelbagai sumber (Jamaluddin Md. Jahi, 2001). Kemerosotan mutu alam sekitar dapat dikesan dengan kemunculan banyak fenomena alam sekitar seperti pengurangan kepelbagaian biologi akibat kegiatan manusia, kemusnahan hutan, tanah basah dan tundra kutub akibat pemanasan global, banjir kilat dan tanah runtuh, pencemaran dan sebagainya. Kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran alam dalam novel kajian akan dianalisis berdasarkan tiga bentuk pencemaran iaitu pencemaran udara, bunyi dan air.

2.4.2.1 Pencemaran air

UNESCO mendefinisikan pencemaran air sebagai satu pelemahan fungsi air yang akan meninggalkan kesan (negatif) terhadap penggunaannya (Kementerian Kewangan Malaysia, 1977; Sulong Mohamad & Kadaruddin Aiyub, 1996). Swell (1975) dan Turk (1972) menganggap pencemaran air berlaku sekiranya terdapat perubahan terhadap kandungan air, di mana pencemaran air merujuk kepada pencemaran patogenik, kehilangan Oksigen Terlarut (DO), kehadiran garam nutrien, bahan-bahan kimia, kekeruhan dan kekonduksi mutu estatika, iaitu terdapatnya pertambahan bahan-bahan asing yang tidak diperlukan dan boleh menjejaskan kualiti air. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mendefinisikan pencemaran air sebagai apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, biologi atau radioaktif iaitu mana-mana bahagian alam sekeliling yang melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan buangan ini sehingga menjejaskan kegunaannya dan menyebabkan bahaya atau memudaratkan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pihak awam atau kehidupan lain seperti burung, hidupan liar, ikan dan hidupan akuatik serta tumbuh-tumbuhan air.

Kepelbagaian proses dan aktiviti pembangunan yang tidak terkawal akan membawa kepada pelbagai punca pencemaran air. Sumber air dikatakan mengalami pencemaran apabila berlaku sebarang perubahan secara langsung atau sebaliknya dalam kandungan air disebabkan kegiatan manusia dan sumber ini kurang sesuai untuk digunakan dan memberi kesan bahaya kepada kesihatan manusia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009b). Kualiti air permukaan bergantung kepada bahan yang mencemarinya. Kehadiran bahan pencemar di dalam air boleh menyebabkan kemudaratkan kepada alam sekitar, khususnya manusia dan haiwan. Bahan tersebut termasuklah bahan organik, bukan organik dan bahan toksik. Proses pencemaran air berlaku melalui tiga cara iaitu (a) melalui cara bancuhan, pencairan dan larutan, (b) melalui proses pereputan biokimia,

dan (c) melalui proses pemendakan (Katiman & Asmah, 2006; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009b).

Indeks kualiti air sungai diklasifikasikan kepada tiga kategori utama iaitu “Bersih”, “Sederhana Tercemar” dan “Tercemar” seperti dipaparkan dalam jadual 2.0 di bahagian lampiran. Di Malaysia, bilangan sungai yang berada dalam kategori Kelas 1 dan Kelas 2 semakin berkurangan tetapi yang dikategorikan dalam Kelas 4 dan Kelas 5 (rujuk lampiran 2.1 untuk mengetahui klasifikasi kualiti air sungai) semakin meningkat sebanyak hampir sekali ganda (Haliza Abdul Rahman, 2007), seperti dinyatakan dalam jadual 2.2 di bahagian lampiran. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2007, tidak terdapat sungai di Sarawak telah diklasifikasikan sebagai sungai “tercemar”, sementara jumlah sungai yang diklasifikasikan sebagai “Sederhana Tercemar” pula semakin berkurangan sebanyak hampir tiga kali ganda. Pada tahun 2001, terdapat sebanyak 25 batang sungai ditakrifkan sebagai “Sederhana Tercemar”, manakala hanya 9 batang sungai sahaja di negeri ini didapati berada pada tahap yang sama pada tahun 2007.

Terdapat 21 batang sungai di Sarawak berada dalam status “Bersih” pada tahun 2001 sedangkan pada tahun 2007 berlaku peningkatan jumlah melebihi dua kali ganda, iaitu meningkat kepada 47 batang. Ini bermakna, walaupun berlaku pembangunan, pembalakan dan pembukaan tanah serta hutan untuk kegiatan pertanian, kerajaan negeri masih lagi mementingkan kualiti sumber air negeri melalui pengurusan sumber air yang bersifat mampan. Status kualiti air sungai pada tahap “Bersih” dan “Sedikit Tercemar” bagi tahun 2001 dan 2007 boleh dilihat dalam jadual 2.3, 2.4, 2.5 dan 2.6 di lampiran.

2.4.2.2 Pencemaran Bunyi

Pencemaran bunyi boleh didefinisikan sebagai bunyi yang tidak dikehendaki (bunyi bising yang keterlaluan dan boleh memekakkan telinga) atau bunyi yang dikeluarkan bukan pada tempat dan masanya. Kebisingan bukan sahaja mencemarkan, tetapi juga menjadi gangguan yang akan bahayakan kesihatan dan mengakibatkan tekanan fizikal dan psikologi yang serius, malah boleh menyebabkan berlaku kecederaan (Surtahman & Abd Ghafar, 1997). Pencemaran bunyi kebiasaannya melebihi sukatan 80 desibel (dB). Setiap pergerakan kenderaan bermotor menggunakan tenaga yang banyak dan hampir kesemuanya dihasilkan dengan membakar bahan api fosil, menghasilkan asap dan bunyi bising dan membawa kesan buruk kepada keadaan setempat. Kualiti udara persekitaran amat bergantung kepada jenis sistem pengangkutan yang digunakan, jenis sumber tenaga, tahap teknologi enjin dan juga jumlah tenaga yang diperlukan.

2.4.2.3 Pencemaran Udara.

Udara akan tercemar apabila terdapat kehadiran benda asing di udara dalam kadar yang boleh memberi gangguan, mendatangkan bahaya dan kesan negatif kepada kehidupan. Merujuk kepada peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Perkins (1972), bendasing udara termasuk asap, jelaga, habuk, abu (termasuk abu yang berterbangan), arang, hancuran, kumin pepejal dari apa-apa jenis termasuk kumin-kumin, wap-wap, kabus, bau, bahan radioaktif yang terpancar dari pembakaran bahan api dan bahan-bahan yang seumpamanya atau dari penggunaan letrik sebagai punca pemanas, atau dari sintesis, resolusi, dan apa-apa pemulihan atau apa-apa bahan lain mungkin ditetapkan oleh menteri sebagai bahan yang boleh menjejaskan kesihatan manusia atau kehidupan alam sekeliling. Menurut Jabatan Alam Sekitar, JAS (1996), hampir 82 peratus daripada lebih tiga juta tan bahan pencemar udara dibebaskan kenderaan bermotor. Selain melalui ekzos, pencemar udara juga boleh terbebas dalam

bentuk hidrokarbon melalui evaporasi pada karburator dan evaporasi pada tangki minyak. Di samping itu, teknologi enjin, umur kenderaan dan bahan api yang digunakan turut mempengaruhi kuantiti pencemar yang dibebaskan. Selebihnya, hampir 9 peratus pencemar udara disumbangkan oleh stesen-stesen janakuasa dan 5 peratus dibebaskan oleh sektor industri.

Di Malaysia, pencemaran udara kerap terjadi disebabkan pembakaran terbuka, asap kenderaan bermotor, pelepasan asap oleh sektor perindustrian dan jerebu ekoran daripada pembakaran terbuka (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009b; Hamidi & Tuan Pah Rokiah, 2003). Kadar pelepasan beberapa jenis bahan pencemar udara berbeza-beza mengikut lokasi. Kadar pelepasan bahan cemar udara ini berada pada tahap yang tinggi di kawasan perindustrian dan kawasan bandar besar, manakala di kawasan luar bandar dan pedalaman berada pada tahap sederhana dan sangat sedikit. Kadar ini bergantung kepada kapasiti punca bahan cemar berkenaan seperti kenderaan bermotor atau kawasan industri. Secara keseluruhan, pelepasan bahan cemar yang dilepaskan ke udara di Malaysia pada 2000 hingga 2002 seperti jadual 2.7 di bahagian lampiran.

Walaupun kadar pelepasan ini agak tinggi, namun secara keseluruhannya jumlah ini masih berada pada tahap sangat sedikit kerana beberapa faktor seperti jumlah hutan di Sarawak yang masih luas mampu menyerap dan seimbangkan bahan cemar tersebut secara semulajadi. Jumlah kenderaan bermotor dan kawasan industri yang terdapat di Sarawak juga masih seimbang dengan persekitaran di negeri ini berbanding bandaraya lain seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru atau Pulau Pinang. Memandangkan Kuching dan Miri merupakan antara bandaraya terbesar dan tersibuk di Sarawak, bacaan indeks IPU ini menunjukkan bacaan paling tinggi di negeri ini berbanding lokasi yang lain. Bacaan indeks udara IPU di dua bandar utama negeri ini masih lagi rendah dan sihat seperti yang dapat dilihat dalam jadual 2.8 di lampiran. Indeks status kualiti udara

dikategorikan sebagai “baik”, “sederhana”, “tidak sihat”, “sangat tidak sihat”, “berbahaya” dan “kecemasan” seperti diklasifikasikan di bawah;

Jadual 2.9: Tahap Indeks Kualiti Udara IPU (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009 & 2009b)

IPU	Kesan Kesihatan
0 - 50	Baik
51 - 100	Sederhana
101 - 200	Tidak sihat
201 - 300	Sangat tidak sihat
301 - 500	Berbahaya
Melebihi 500	Kecemasan

Berdasarkan bacaan indeks IPU ini, nyatanya kadar pencemaran di Sarawak masih lagi berada pada tahap yang sangat sedikit, iaitu dengan bacaan IPU antara 0-50 yang baik untuk kesihatan kecuali pada tahun 2006, bandaraya Kuching mencatatkan bacaan IPU sebanyak 52 (sederhana). Pada tahun berkenaan, Malaysia terutamanya negeri Sarawak dilanda masalah jerebu yang teruk akibat pembakaran hutan di Indonesia (Hamidi & Tuan Pah Rokiah, 2003).

2.4.3 Kesan Guna Tanah Terhadap Alam Sekitar

Menurut Turner (1993), Zonneveld (1993) seperti dirujuk Carvalho (2006) dan Buringh & Dudal (1987), guna tanah merujuk kepada proses berkaitan tindakan manusia mengolah, mengubah, merancang, mengagih dan menyesuaikan sesebuah lanskap ruang tanah untuk kegunaan tertentu bagi memenuhi keperluan manusia. Tindakan mengolah dan menyesuaikan kawasan ini diklasifikasikan kepada bentuk aktiviti seperti perindustrian, pertanian, perumahan, pemandaran, institusi dan sebagainya merupakan penyumbang utama terhadap kewujudan aktiviti guna tanah di sesebuah kawasan. Kesan guna tanah dalam kajian ini dianalisis tentang kesan pembalakan, pembinaan

empangan dan aktiviti pertanian yang dikemukakan dalam novel-novel penulis Sarawak.

2.4.3.1 Pembalakan

Sektor perhutanan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi Malaysia dari segi menjana hasil eksport dan membuka peluang pekerjaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Negeri Sarawak merangkumi 44.3 peratus daripada jumlah kawasan berhutan pada 2008, diikuti oleh Semenanjung Malaysia dan Sabah masing-masing 32.1 peratus dan 23.6 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2008). Pada 2008, Sarawak menyumbang sebanyak 56.4 peratus pengeluaran kayu balak diikuti Sabah (23.5%) dan Semenanjung Malaysia (20.1%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Sarawak masih kekal sebagai penyumbang terbanyak dalam pengeluaran produk kayu-kayan. Walau bagaimanapun ia menurun sebanyak 9.4 peratus daripada 22,052,775 meter padu pada 2007 kepada 20,082,668 meter pada 2008 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Keseluruhannya, pengeluaran kayu balak meningkat 9.1 peratus pada tahun 2002 daripada 18.9 juta meter padu kepada 20.6 juta meter padu berbanding tahun 2001 dengan Sarawak menyumbang sebanyak 57.4 peratus jumlah keluaran kayu balak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004). Jadual 2.12 dalam lampiran memaparkan tentang keluasan hutan, pengeluaran kayu balak dan kayu gergaji pada tahun 2003 hingga 2007 di Malaysia dan Sarawak termasuk hutan simpan kekal, tanah kerajaan, tanah bermilik, taman hidupan liar dan kawasan rizab.

Hutan sangat penting dalam proses peredaran karbon sedunia (Postel & Heise, 1990). Kerosotan kawasan hutan dunia menyebabkan berlaku kerosotan pembebasan oksigen dan pada masa yang sama menambah jumlah pembebasan Karbon Dioksida (CO²). Pada tahun 2007, Amerika Syarikat, Australia dan Kanada ialah negara

dunia yang membebaskan kadar karbon dioksida tertinggi, manakala Malaysia tersenarai sebagai negara ke tujuh dengan kadar 6.3 peratus seperti dipaparkan dalam jadual 2.10 di lampiran. Hutan tropika merupakan antara hutan yang sedang dilanda masalah kepupusan ekoran pembersihan berterusan oleh peneroka yang membuka tanah pertanian dan operasi pembalakan. Satu perlima daripada semua spesies tumbuhan dan haiwan telah pupus apabila habitatnya dimusnahkan (Wolf, 1990). Sebanyak 56.0 peratus muka bumi Malaysia atau 18.4 juta hektar kawasan diliputi hutan pada tahun 2002, iaitu penurunan sebanyak 0.3 peratus atau 48406 hektar berbanding tahun 2001. Pada keseluruhannya, Sarawak merupakan negeri yang paling banyak kawasan berhutan merangkumi 65.8 peratus daripada keluasan tanahnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003). Penurunan keluasan kawasan berhutan di Malaysia dipaparkan dalam jadual 2.11 di lampiran.

Penebangan kawasan hutan menyebabkan kemusnahan bahan-bahan berguna dan penting termasuk makanan seperti ubi-ubi liar, rebung, buah-buahan, manis-manisan hutan, dan kekacang; pupusnya tumbuh-tumbuhan seperti pokok ubat-ubatan, pokok beracun, pokok menjalar yang boleh dijadikan tali, pokok yang dijadikan pewarna, rotan, getah pokok untuk dijadikan gala atau damar dan turpentin; aktiviti memburu binatang untuk tujuan makanan, pakaian, tempat berlindung dan banyak lagi kegunaan harian yang boleh diperolehi di dalam hutan (Hamilton & King, 1983; Abibullah Samsudin, 1994). Dahulu kepupusan organisma (sumber kepelbagaian biologi) disebabkan proses semula jadi seperti perubahan iklim, kenaikan aras laut, gempa bumi, letusan gunung berapi, banjir dan kemarau. Di Malaysia, kemusnahan hutan banyak didorong oleh penebangan untuk tujuan pembalakan atau pembukaan kawasan pertanian. Proses penyahhutan di kawasan tropika berlaku pada kadar yang sangat pesat (0.8 peratus setahun atau kira-kira 15.4 juta hektar setahun) (Katiman & Asmah, 2006).

Hutan di Malaysia masih lagi luas meliputi 20.2 juta hektar atau 62 peratus daripada keluasan tanah negara. Walau bagaimanapun, Lebih 14.5 juta hektar atau 44 peratus daripada jumlah tersebut ialah kawasan hutan yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal yang dirancang untuk diuruskan secara lestari (Zaini Ujang, 2009). Jadual 2.13 menunjukkan berlaku peningkatan pengeluaran dalam pelbagai produk berasaskan kayu kayan utama di Malaysia dan Sarawak pada tahun 1998 hingga 2008, juga menjelaskan tentang berlaku turun naik pengeluaran produk berkenaan. Membandingkan keluasan negeri Sarawak dan keluasan kawasan pembalakan di negeri ini, amalan pembalakan mampan yang menjaga kelangsungan hutan negara dapat menjamin aktiviti ini tidak meninggalkan impak terhadap alam sekitar. Penanaman semula balak di kawasan hutan yang telah diteroka menjamin sumber kayu balak pada masa hadapan, pada masa yang sama menjadi salah satu cara pemuliharaan hutan dan alam sekitar bagi mengurangkan risiko kerosakan alam sekitar akibat campur tangan manusia terhadap ekosistem hutan.

Pembalakan lestari diperlukan untuk memastikan kadar penebangan hutan sama dengan kadar penggantian melalui penghutanan semula di sesuatu kawasan. Mewartakan kawasan hutan negara dan kawasan rezab hutan sebagai Taman Negara merupakan antara ikhtiar yang diamalkan di Malaysia bagi memastikan kelangsungan hutan. Seluas 19.42 juta hektar kawasan hutan di Malaysia terdiri daripada 74% atau 14.29 juta hektar diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 serta enakmen-enakmen dan ordinan-ordinan negeri yang berkaitan, manakala kawasan seluas 1.83 juta hektar di luar kawasan Hutan Simpanan Kekal pula diwartakan sebagai Taman Negara dan taman-taman Hidupan Liar di bawah pelbagai perundangan. Kawasan seluas 220, 073 km persegi di Sarawak telah diwartakan sebagai Taman Negara seperti jadual 2.14 di bahagian lampiran.

2.4.3.2 Pembinaan Empangan

Kebanyakan negara Dunia Ketiga mengharapkan kayu sebagai sumber tenaga utama, sama ada dalam bentuk kayu ataupun ditukar kepada arang kayu. Krisis tenaga telah meningkat kerana bekalan kayu di luar bandar dan di sekitar bandar semakin berkurangan (Postel & Heise, 1990). Penggunaan sumber semulajadi yang boleh diperolehi secara berterusan seperti angin, air dan cahaya matahari dianggap antara cara yang efektif untuk ditukarkan bagi memenuhi keperluan tenaga walaupun kos yang besar diperlukan untuk menukarkan sumber asli ke bentuk tenaga seperti elektrik. Namun begitu, bagi jangka masa yang panjang, pembinaan empangan hidro dianggap sebagai pilihan yang terbaik dari segi kos terutama kos penyelenggaraan (Katiman & Asmah, 2006; Borneo Post, 2010).

Sejumlah besar kuasa hidro di Malaysia terdapat di Sarawak (69 peratus) dengan 17 peratus di Sabah dan bakinya sebanyak 14 peratus di Semenanjung Malaysia (Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, 1998). Kajian untuk menggunakan kuasa hidro di sungai-sungai di Sarawak bermula pada tahun 1970-an dan disambung secara berkala sepanjang tahun 1980-an terutama di Sungai Rajang dan mengenalpasti empat tapak empangan yang berpotensi, iaitu Bakun (2,400 MW), Murum (900 MW), Pelagus (770 MW) dan Baleh (900 MW) (Rachagan, 1998; Borneo Post, 2010; Sahabat Alam Malaysia, 2005; Douglas, 2010). SCORE (2000) menganggarkan bahawa Sarawak memerlukan sejumlah tenaga elektrik menjelang 2030 bagi memenuhi keperluan semasa seperti berikut;

Jadual 2.15: Permintaan Tenaga di Sarawak pada 2030 (SCORE, 2000)

Permintaan tenaga 2030	Kapasiti Tenaga
Pelanggan semasa	3,000 – 3,500 MW
Projek Baru	5,000 – 18,000 MW
Eksport ke TNB dan negara jiran	4,000 – 6,500 MW
Jumlah Permintaan	12,000 – 28,000 MW

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia, mempunyai lebih daripada 28,000 MW tenaga hidro yang telah dikenalpasti dan potensi tenaga lain yang akan memastikan sumber tenaga yang banyak dan dapat digandakan pada masa hadapan, dengan harga yang sangat kompetitif (SCORE, 2000). Tenaga elektrik telah dijana Malaysia dan Sarawak pada 1998-2008 seperti jadual 2.16 di lampiran. Implikasi empangan kepada alam sekitar boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu kesan kepada kawasan hulu tadahan, kesan takungan air dan kesan kawasan di hilir empangan. Pada prinsipnya, semakin besar saiz sesebuah empangan maka semakin besar pula kawasan tadahan dan kawasan takungan yang diperlukan. Pembinaan empangan akan menenggelamkan kawasan yang luas bergantung kepada kapasiti takungan yang diperlukan yang ada kalanya menuntut untuk memindahkan penduduk, berlaku kerosakan kepada infrastruktur dan kepupusan pelbagai spesis flora dan fauna (Adnan Hussein & Kamaliah Siarap, 2009).

2.4.3.3 Pertanian

Sektor pertanian berperanan dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia sebagai sumber makanan, mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan pada penduduk-penduduk tempatan melalui pertanian sara diri dan tradisional padi, sayur-sayuran, buah-buahan serta kegiatan menangkap ikan dan menternak (Malaysia, 2006). Sumbangan sektor pertanian juga (termasuk perhutanan dan perikanan), sama ada pengeluaran atau guna tenaga, menjadi semakin kecil dengan peningkatan kemajuan sesebuah ekonomi (Jung-Hwan, 1993). Ini menyebabkan sektor pertanian kerap diberi perhatian oleh kerajaan kerana sektor ini dianggap mundur dengan kadar kemiskinan yang tinggi. Daya saing dan kadar pertumbuhan sektor pertanian lebih rendah berbanding sektor pembuatan, perkhidmatan dan perdagangan.

Negeri Sarawak telah mengamalkan corak ekonomi tradisional bersifat sara diri dan kecil-kecilan tanpa melibatkan urusan eksport dan import sebelum kedatangan penjajah Barat. Sistem ekonomi yang dijalankan ini lebih tertumpu kepada sistem pertanian seperti penanaman padi sawah, padi huma, buah-buahan, menjadi nelayan dan mencari hasil hutan seperti mencari sarang burung layang-layang dan sagu disamping menjalankan menjalankan kegiatan perdagangan secara kecil-kecilan. Pada masa ini, masyarakat Sarawak tidak memiliki teknologi moden menyebabkan ekonomi lambat berkembang berbanding semasa negeri ini berada di bawah kekuasaan Barat. Semasa pemerintahan Brooke, corak ekonomi Sarawak berubah secara drastik kerana berlaku eksploitasi hasil bumi secara lebih maksima, menyebabkan banyak hasil bumi sarawak mulai jatuh kepada kerajaan Barat sedikit demi sedikit (Sharifah Mastura, 2006). Ketika ini pembaharuan dan usaha membangunkan ekonomi Sarawak dilakukan lebih pesat dengan menggalakkan kemasukkan pendatang Cina untuk membangunkan sektor pertanian di Sarawak sehingga negeri ini mampu mengeksport lada hitam berjumlah 392 tan pada tahun 1885. Kini, Sarawak terkenal dengan hasil pertanian seperti gambir, lada hitam, getah, dan sagu.

Aktiviti pertanian mempunyai kaitan dengan aktiviti lain seperti pembalakan, penebangan kawasan hutan, pemugaran tanah, penggunaan racun serangga dan bahan kimia, serta pelbagai kesan alam sekitar lain yang saling berkaitan dan memberi kesan antara satu sama lain. Impak ini akan menjadi lebih besar dan lebih menyerlah sekiranya aktiviti pertanian diusahakan dalam skala yang besar kerana semua aktiviti ini melibatkan perubahan struktur muka bumi dan pencerangan berskala besar juga. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan novel *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001) yang hanya mengetengahkan kesan sosial dan perubahan sosiobudaya dalam masyarakat, tanpa melibatkan persekitaran semulajadi. Jadi, analisis ini hanya

melibatkan perubahan dan kesan terhadap komuniti masyarakat Selako dari sudut sosial sahaja.

2.4.4 Gaya Bahasa dan Ekologi

Pengarang menerapkan unsur alam dalam karya sastera melalui dua cara iaitu sebagai latar belakang kepada peristiwa yang ingin dinukilkan dan sebagai sumber perlambangan dalam bentuk metafora, simili dan personifikasi (Zurinah Hassan, 2010). Alam digunakan sebagai latar belakang kepada peristiwa yang ingin dinukilkan pengarang dalam karya diterapkan untuk membangkitkan suasana yang sesuai dengan peristiwa yang ingin digambarkan. Penggunaan unsur alam yang menjadi sumber perlambangan atau metafora dijadikan sebagai perantara untuk menyampaikan maksud karya. Pengarang akan membandingkan dua perkara yang berlainan tetapi dalam konteks yang sama bagi mewujudkan nilai estetika karya.

Pengkarya menganggap alam sebagai simbol, lambang atau tanda yang menyatakan sesuatu tentang kehidupan. Mereka sering menggunakan unsur-unsur alam sebagai sebahagian daripada kebesaran kuasa Allah. Menurut Muhammad Haji Salleh (2002), penggunaan unsur alam sebagai perlambangan dalam karya sastera memberi identiti kepada sastera Melayu, malah menjadi komponen penting sastera Melayu. Alam sering dilihat sebagai gambaran kebenaran yang mengetahui perasaan manusia dan menyebelahnya melalui tanda-tanda, peringatan, lambang atau sesuatu peristiwa yang berlaku.

Za'ba (1934) berpendapat bahawa perlambangan adalah teknik yang sengaja digunakan pengarang untuk menyamakan citra dan makna. Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan yang sesuai dengan makna disampaikan akan menambah nilai estetika sesebuah karya. Memandangkan sastera Melayu banyak menggunakan perlambangan dan bahasa kiasan bersumberkan alam, maka kajian, penilaian, analisis

dan kritikan terhadap kesusasteraan Melayu perlu mengambil kira aspek bahasa dengan melihat bagaimana pengarang menyembunyikan makna dan lambang di dalam bahasa digunakan. Jadi, kajian ini turut menganalisis tentang penggunaan perlambangan dalam karya melalui unsur abiotik dan unsur biotik, serta gaya bahasa kiasan dari sudut metafora, simili dan personifikasi.

2.5 Kesimpulan

Alam sangat penting dan tidak dapat dipisahkan dalam proses kreatif pengarang. Golongan penulis menjadikan alam sebagai sumber idea, gagasan dan pemikiran yang akan dibaurkan dalam karya menggunakan bahasa sebagai perantara. Penggunaan unsur alam dalam karya berfungsi sebagai latar belakang kepada peristiwa-peristiwa yang digambarkan dan menjadi perlambangan yang dikemukakan dalam bentuk metafora, simili dan personifikasi. Pada masa yang sama, terdapat segolongan pengarang menjadikan alam sekitar sebagai unsur utama pemikiran di dalam novel seperti kesan yang perlu dihadapi masyarakat terhadap pengurusan sisa radioaktif yang tidak selamat, pembalakan haram dan pencemaran alam sekitar akibat penebangan balak tanpa kawalan. Sejak awal kemunculan kesusasteraan Melayu, elemen alam sekitar tidak dapat dipisahkan walaupun seawal dalam novel *Hikayat Panglima Nikosa* (1876). Novel yang menjadi batu tanda sastera Melayu moden di Sarawak dan Malaysia ini memaparkan pemikiran pengarang pada zaman tersebut yang sangat akrab hubungannya dengan alam sekitar melalui saranan pengarang supaya mengamalkan tanam semula rumbia (sagu) bagi memastikan kelangsungan spesies ini pada masa hadapan. Cara ini merupakan amalan hidup mampan seperti disarankan dalam agenda 21 berkaitan pembangunan alam sekitar yang lestari.

Kemunculan karya-karya seterusnya masih mempunyai kaitan dengan alam dan persekitaran walaupun tidak dinyatakan secara nyata di dalam novel, namun kehadiran

alam sekitar terutama flora, fauna dan alam sekitar semulajadi mempunyai peranan yang tersendiri terutama menjadi perlambangan dan personafikasi yang akan diterjemahkan maknanya oleh pembaca. Hubungan yang erat antara alam, penulis dan pembaca mewujudkan satu persefahaman tidak tertulis, namun maknanya mampu diterjemahkan melalui elemen, unsur, struktur dan pemikiran yang terdapat dalam karya. Pendekatan alam sekitar relevan digunakan untuk menganalisis karya-karya sastera yang sarat muatan dengan hal-hal berkaitan alam dan persekitaran. Ekologi merupakan satu kajian mengenai struktur dan fungsi alam semulajadi, iaitu bagaimana organisma berinteraksi dengan persekitarannya, manakala kritikan sastera eko turut dikenali sebagai “kajian kebudayaan hijau”, “ecopoetik”, “kritikan alam sekitar” dan “kritikan sastera lingkungan hidup” di alam Melayu adalah satu kritikan sastera yang menggabungkan disiplin sastera dengan pandangan semua ilmu sains untuk menganalisis persekitaran di dalam karya.

Pergerakan kritikan eko bermula dengan perlahan pada tahun enam puluhan dan tahun tujuh puluhan di Amerika sehingga WLA (1989) menggesa penggunaan istilah “ecocriticism” sepenuhnya terhadap kajian-kajian penulisan berkaitan alam sekitar. Era sembilan puluhan menjadikan kritikan eko disebar dan digunakan secara meluas di UK, Jepun, Korea, Australia dan New Zealand. Di Malaysia, walaupun kajian tentang alam sekitar dalam karya sastera telah dilakukan oleh pengkaji, kajian berkenaan tidak dilabelkan sebagai kritikan eko, namun meletakkan “alam” lebih dominan untuk berdiri sendiri. Ruang lingkup Kritikan Eko sangat luas melibatkan analisis karya dari pelbagai sudut persekitaran dan sains seperti ecofeminis, coreligion, ecotourism, ekobudaya, eko lanskap, ecofalsafah dan sebagainya. Glotfelty semasa memperkenalkan teori ini meletakkan kritikan eko sebagai “alam sekitar fizikal” yang hanya menganalisis persekitaran dalam karya dari sudut fizikal sahaja. Sejajar dengan perubahan masa, kritikan teori eko yang lebih luas cakupannya oleh tokoh-tokoh pengkritik eko,

memantapkan teori ini, ruang lingkup yang lebih lebar telah diteroka. “Dunia” dalam kritikan eko telah dilebarkan sejajar dengan maknanya yang kompleks termasuk ecosfera. Ini juga seiring dengan undang-undang ekologi iaitu “semua perkara dalam alam saling berhubungan antara satu sama lain”. William Howarth meletakkan empat prinsip kritikan eko iaitu, ekologi, etika, bahasa dan kritikan yang menekankan terhadap komitmen pengkritik terhadap masalah alam sekitar.

Sehingga kini, kritikan eko masih terus dimantapkan struktur analisisnya dengan mementingkan kemampuan teori ini menganalisis karya daripada pelbagai sudut berkaitan ekologi. Pertembungan antara sastera dan persekitaran perlu dianalisis dengan lebih kompleks ke akar umbi bagi menonjolkan wujud keselarian dalam kedua-dua bidang ini (sastera dan alam sekitar). Ini menjadikan kritikan eko masih terus didalami, diteroka dan dikaji dengan meminjam pelbagai disiplin sains semulajadi utama. Ini juga menjadikan kritikan ini menjadi sangat luas cakupannya dan pada bahagian-bahagian tertentu kelihatan bertindih dengan bidang kajian yang lain. Alasan itu menjadi antara sebab kajian ini menumpukan analisis terhadap novel-novel yang dihasilkan penulis Sarawak menggunakan kritikan eko dengan memfokuskan analisis berdasarkan persaingan antara spesies, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dan impak guna tanah terhadap alam sekitar.